

KENAPA SAYA SEMBAHYANG



مجلس اڪام اسلام دان عاده استعاده ملايو كلنتن

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN



Penerbitan Percuma Bilangan (58)

KENAPA SAYA SEMBAHYANG

Terjemahan Oleh:
Hisyamuddin Bin Mohd Yusof
Kolej Islam Sultan Ismail Petra (KIAS)

Dikeluarkan oleh:
Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan,
Kompleks Islam Darulnaim, Lundang,
15200 Kota Bharu, Kelantan.
Tel: 09-7481512
Faks: 09-7485512
Portal Rasmi: www.e-maik.my
Email: maik@e-maik.my

Karya asal dicetak atas ihsan individu-individu tertentu.
Dibawah seliaan:
Jawatankuasa Pusat
Bagi Penyelidikan Akademik Dan Fatwa
Pejabat Pusat Untuk Pencetakan
Riyadh-Kerajaan Arab Saudi

Wakaf kerana Allah Taala

Cetakan kedua.....2015 (2,000 naskhah)

Dicetak oleh:
Percetakan Dian Darulnaim Sdn. Bhd.
Lot 890A, Jalan Tengku Mohd Maasum,
Pasir Hor 15150 Kota Bharu, Kelantan.
Tel: 609 765 3510 / 765 5510 Faks: 609 965 7510

DARI PENERBIT
Bismillahirrahmanirahim

Segala puji-pujian hanya untuk Allah yang Maha Esa, selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang tidak ada lagi Nabi selepas baginda, untuk ahli keluarga baginda, serta sesiapa sahaja yang mendapat petunjuk dari Allah yang telah dibawa oleh baginda sehinggalah hari kiamat, amma ba'du...

Ini adalah satu risalah yang penting, yang berjudul **(Kenapa Saya Sembahyang)** yang telah dikumpulkan oleh al-Akh Abdul Rauf al-Hanawi, semoga Allah memberi balasan baik yang setimpal kepadanya. Saya telah mendengarnya dan berpendapat ianya satu risalah yang amat bernilai, di mana penulis membincangkan beberapa tajuk yang penting seperti kepentingan sembahyang dan waktu-waktu sembahyang, serta perkara-perkara yang berkaitan dengan sembahyang dimana ianya amat berguna kepada kita. Turut diterangkan amaran-amaran tentang balasan ke atas orang yang meninggalkan sembahyang dan orang yang memandang remeh perkara berkaitan sembahyang. Sesungguhnya perbuatan meninggalkan sembahyang dan memandang remeh sembahyang adalah satu perbuatan yang amat besar dan akan dihisab di akhirat nanti dengan hisab yang amat payah. Semua ulasan ini disusun atur dengan gaya bahasa yang amat baik oleh penulis, insyaa-Allah.

Saya memohon kepada Allah dengan nama-namaNya yang baik dan sifat-sifatNya yang luhur agar buku ini memberi manfaat dan faedah kepada semua. Sesungguhnya Allah Taala sahaja yang mampu menganugerahkan semua ini.

Serta selawat dan salam ke atas junjungan hambaNya Muhammad ibnu Abdillah, para ahli keluarganya dan sahabatnya serta para pengikut sekalian.

Ditulis Oleh:

Abdul Aziz ibnu Abdillah Ibnu Baz

Mufti Kerajaan Arab Saudi,

Merangkap Ketua Bahagian Penyelidikan Akademik Dan Fatwa.

Bismillahirrahmanirrahim

Semasa dua orang kawan sedang rancak berbual-bual.

(Terjadilah dialog antara mereka seperti di bawah ini)

- Si A: Pelik sungguh awak ni, banyak perhati sana sini, kritik itu kritik inilah. Awak tak rasa pelik ke jika ada dua orang lelaki yang benar-benar akrab, cakap pun hampir sama, salah seorang dari mereka sanggup menderma hati kepada seorang lagi, dan yang seorang lagi itu pula sanggup mengorbankan nyawanya demi kawannya. Awak tahu tak siapa yang sanggup berbuat seperti itu? Itulah seorang ayah dengan seorang anak. Seorang ayah rindu dan ingat kepada anaknya, anaknya berbuat bakti kepada ayahnya. Apakah rahsia yang tersirap dalam hubungan akrab antara mereka ini?
- Si B: Ia, memang pelik, sumpah, memang pelik. Di sana, masih ada satu hubungan yang dapat mengikatkan hati-hati manusia lalu menjadikannya satu, yang secara jelas menjadi lambang mengakui kelebihan serta kesyukuran ke atas nikmat-nikmat yang dikurniakan? Adakah seseorang itu mampu hidup bersendirian tanpa hubungan kekeluargaan, kejiranan dan persahabatan, serta hubungan sebagai teman atau rakan? Bukankah ini satu hubungan sosial yang terbentuk di antara para manusia.
- Si A: Saya berpendapat anda terlalu yakin pentingnya diwujudkan satu hubungan di antara manusia berasaskan perasaan saling bantu-membantu, tolong-menolong serta mengakui kelebihan masing-masing, di samping berusaha berbuat kebaikan sesama mereka.
- Si B: Ya. Tepat sekali.
- Si A: Ada ke orang menafikan sesuatu yang baik dan tidak percaya orang itu tolong orang ini atau sebaliknya? Atau ada orang yang melakukan sesuatu ibadah itu sekadar atas rasa malu atau menjaga isi hatinya sahaja?

Si B: Ya sudah pasti. Awak pula bagaimana?

Beliau nampaknya begitu marah, mula tak keruan dan berlalu pergi, tapi berpusing kembali lantas bertanya, kenapa?

Si B: Kerana anda mengingkari rezeki yang dikurniakan oleh Allah kepada anda

Si A: Macam mana pula tu?

Si B: Tidakkah Allah yang maha kaya lagi pemurah, yang memberi rezeki kepada kita?

Si A: Itu memang dah pasti.

Si B: Adakah patut kita bersyukur kepadanya?

Si A: Itu sudah tentu.

Si B: Bagaimana caranya?

(Si A diam seketika, berfikir bagaimana cara sebagai tanda bersyukur kepada Allah)

Si A: Sebenarnya saya tidak tahu cara bagaimana (malu dan diam seketika). Boleh tunjukkan kepada saya, bagaimana cara yang terbaik boleh saya lakukan, sebagai tanda saya bersyukur kepada Allah?

Si B: *Pertama:* Awak hendaklah benar-benar mengaku bahawa Allah taala sahajalah yang, mempunyai kelebihan, dan memberikan kita pelbagai nikmat yang tidak terhingga. Akuan itu tidak cukup jika hanya disebut dengan mulut, malah perlu ditunjukkan dengan perbuatan. Awak mesti menunaikan sembahyang dengan meletakkan dahi awak itu sujud ke bumi dengan rasa tawaddu' dan rendah diri.

Kedua: Awak hendaklah memelihara sebaiknya nikmat yang telah diberikan oleh Allah. Gunakannya dengan betul supaya mendapat keredaan Allah.

Si A: Terima kasih sahabatku. Apa yang awak beritahu tadi benar belaka, saya cukup tersentuh. Mulai dari saat ini, saya berjanji (bersumpah) dengan nama Allah bahawa saya tidak akan lagi melalaikan solat selagi saya masih hidup.

Si A: Sebenarnya saya ada seorang kawan rapat, dia sama macam saya, tak pernah menunaikan solat. Jadi boleh tak awak tulis sedikit nota tentang apa yang awak cakapkan kepada saya tadi, nanti saya akan jadikannya surat untuk diutuskan kepadanya? Semoga dengan surat tadi, Allah taala membuka pintu hatinya yang tertutup rapat selama ini, cukuplah hubungannya dengan Allah telah terputus selama ini, semoga cara ini adalah yang terbaik untuknya.

Si B: Dengan senang hati, insya-Allah saya akan tulis nanti.

(Si B telah menunaikan janjinya pada A dengan nota-nota penting berupa nasihat, kemudian sampailah pula giliran si A melaksanakan tanggungjawab menjadikannya sekeping surat untuk diutus kepada kawan rapatnya)

Sahabatku yang dimuliakan;

Salam sejahtera kepada anda,....

Saya sebenarnya telah mendengar satu nasihat yang amat berguna kepada saya, dan gembira rasanya jika saya dapat berkongsi dengan awak nasihat itu. Saya berdoa kepada Allah taala semoga apa yang berlaku kepada saya turut sama akan dirasai oleh awak nanti. Wasalam....

Ramai manusia pada zaman kita ini memandang remeh persoalan sembahyang. Ada di antara mereka menganggap sembahyang itu satu beban yang berat. Apabila diajak bersembahyang, macam-macam alasan mereka, ada yang kata;

Sibuk sangatlah...

Penting sangat ni...

Ada menyuarat penting ni...

Sesetengahnya pula mendakwa pakaiannya kotor, tak boleh pakai untuk sembahyang, TAK SAH, balik nanti dia akan pakai lain dan akan terus sembahyang. Orang ini sebenarnya berdusta, mereka ini boleh dianggap lalai walaupun mereka terus menyebut kalimah;

الله يهدنا

“Semoga Allah memberi petunjuk kepada kita”

Terdapat juga satu golongan yang terus terang melakukan maksiat kepada Allah taala. Kufur dengan nikmat-Nya, memandang remeh perkara berkaitan sembahyang, sedangkan mereka mendakwa sebagai muslim. Mereka ini golongan orang yang jauh hatinya dengan hidayah Allah, apabila mendengar perintah Allah, tidak langsung mengendakkannya.

Allah taala berfirman:

فَمَا هُمْ عَنِ التَّذْكِرَةِ مُعْرِضِينَ ﴿٤٩﴾ كَانَهُمْ حُمُرٌ مُّسْتَنْفِرَةٌ ﴿٥٠﴾
فَكَرَّتْ مِنْ قَسْوَرَةٍ ﴿٥١﴾

“(Kalau Demikianlah halnya orang-orang yang bersalah), maka mengapa mereka berpaling lari dari peringatan Allah (Al-Quran)?.. Seolah-olah mereka sekawan keldai liar Yang lari. Melarikan diri (ketakutan) dari singa!”
(Al-Muddatsir, 49-51)

Ok sahabatku. Sekarang marilah kita berbincang sedikit tentang golongan yang dimaksudkan tadi, apa yang mereka mahu sebenarnya? Apa masalah mereka itu? Kalau perlu kita boleh cari formula untuk menyelesaikan masalah kenapa mereka meninggalkan sembahyang?

Apakah sembahyang itu sebagai satu bentuk yang perlu dilunaskan oleh setiap individu, seperti mereka melunaskan cukai-cukai yang lain yang bersifat zalim dan menindas?

Apakah sembahyang dilihat sebagai aktiviti yang membuang waktu, seperti seorang manusia tiada waktu lapang langsung yang diperuntukkan untuk keperluan dirinya?

Adakah sembahyang itu dasar veto manusia yang amat payah untuk menerimanya seperti menerima undang-undang lain yang diperuntukkan di sebuah negara diktator?

Adakah sembahyang menjadi tali pengikat yang mengongkong kebebasan manusia langsung mencegah mereka dari melaksanakan hak dan tanggungjawab?

Adakah sembahyang itu satu pilihan terbuka kepada sesiapa sahaja, jika mahu dilaksanakan dan jika sebaliknya ditinggalkan tanpa sebarang rasa bersalah tentang dosa dan sebagainya?

Adakah Allah taala berhajat kepada sembahyang kita?

Faedah bagaimana manusia akan dapat jika melaksanakan solat? Dan kerugian bagaimana pula jika mereka meninggalkannya?

Barangkali inilah di antara soalan-soalan atau persoalan-persoalan yang diketengahkan oleh akal waras manusia, mengikut pertimbangan nafsunya, syaitannya, syahwatnya. Jika tidak dijawab dengan baik, ia akan menjadi racun yang akan terus melanda jiwa, pegangan seorang muslim nyata menjadi lemah dan hina, lantas menghitamkan kehidupan dan cara fikiran, dia akan menganggap perbuatannya yang buruk itu sebagai baik lalu berpegang padanya, langsung tidak akan membezakan yang mana benar yang mana salah. Terus kabur di antara putih dan yang hitam, pandangannya menjadi kelabu, akalnya akan terus digunakan untuk mempertahankan kebatilan yang menjadi jalan lurus ke arah kesesatan. Terus hidup dalam persimpangan dan meniti di atas titian neraka yang petrolnya amat murah terdiri dari bakaran manusia dan batu.

Lantas jawapan yang rasional dan tepat wajar diketengahkan agar menepati soalan, dapat menghilangkan kesamaran yang sedang asyik bermain dalam kotak fikiran.

Kita mulakan sekarang menganalisis satu persatu persoalan yang berkaitan, akan berusaha sedaya upaya menjawab keraguan, langsung menukarkannya kepada keyakinan tentang ibadah sembahyang, maka barang siapa yang masih keras hati selepas mendapat penjelasan ini, sesungguhnya dia tergolong dalam golongan orang-orang yang menzalimi diri sendiri.



SEMBAHYANG BUKAN SEBAGAI DENDA ATAU CUKAI

Tidak wahai sahabatku, sembahyang bukan denda material yang perlu engkau langsaikan, bukan juga harta yang perlu dibereskan, tetapi sembahyang adalah satu amanah yang dipikul di atas bahu setiap mukalaf lima kali setiap hari, perlu ditunaikan dan ianya benar, perlu ikhlas melaksanakannya dan menjaga hak-haknya, diberikan pula pahala sebesar-besarnya jika dilaksanakan sebaik mungkin.

Ya, sembahyang bukan cukai, denda mahupun jizyah. Ia perlu pengiktirafan tentang kebenaran dan satu lambang kesyukuran tentang perkara makruf, menjadi bukti sucinya jiwa dengan mentaati ketua, melaksanakan perintahnya, tanda kecintaan hati kepada Allah subhanahu wataala. Tidakkah kita melihat manusia terus mengagungkan sesuatu yang lebih berkuasa dan lebih kuat darinya?. Meminta perlindungannya ketika dirunding malapetaka, meminta pertolongannya ketika dalam kesusahan, meminta keberkatannya untuk sesuatu usaha, menjadikannya sebagai petanda untuk diingati ketika ramai yang melupai?

Kenapa penganut Kristian mempertuhankan Isa al-Masih ibnu Maryam? Kenapa mereka menjadikan salib sebagai tanda agama mereka, dijulung tinggi dalam gereja mereka, menggantungkannya di dada-dada mereka, menjadikannya kiblat sembahyang mereka?

Kenapa pula penganut Yahudi mempertuhankan Uzair sebagai sekutu bagi Allah taala?

Kenapa mereka mengelilingi satu binaan yang dipasang pelita-pelita, sambil membaca taurat dan sembahyang?

Kenapa para pendeta mereka menjadikan kopiah kecil yang diletakkan di tengah kepala sebagai tanda agama?

Kenapa mereka merancang menjadikan bintang berbucu enam sebagai lambang kedaulatan mereka sejak merampas negara Palestin?

Kenapa pula penganut Majusi menyembah api? Penganut Hindu menyembah lembu dan beruk, dan sesetengah golongan batiniyah menyembah syaitan?

Setiap hari mereka menyembah tuhan selain dari Allah, mentaqdiskannya, sembahyang untuknya, serta mendekatkan diri kepadanya, sedangkan tuhan yang mereka sembah itu adalah tiada pun, tidak benar, sama dengan akidah mereka juga tidak benar. Tuhan mereka tidak berkuasa ke atas mereka, tidak memberi manfaat ataupun darurat. Sembahyang mereka itu langsung tidak dapat menolong mereka. Tetapi sembahyang saya ini sudah tentunya dapat menolong saya nanti.

Faedah apa yang mereka dapat melalui ibadat mereka yang batal itu? Apa yang mereka perlukan dari tuhan mereka? Adakah doa dan permintaan mereka didengar? Adakah cakapan mereka difahami? Adakah tuhan mereka itu tahu apa yang baik dan apa yang buruk untuk mereka? Adakah tuhan itu memberi rezeki kepada mereka? Memberi kehidupan kepada mereka? Menyembuh sakit dan penyakit mereka? Menghalang mereka dari kesusahan? Adakah tuhan itu telah menurunkan hujan lalu menumbuhkan tanaman?

Tidak! Semestinya tidak! Tuhan yang mereka sembah tidak melakukan apa-apa pun, tetapi mereka terus menyembahnya, terus mentaqdiskannya sebaik mungkin, mereka membuktikan pentaqdisan itu dengan bersembahyang kepadanya.

Adakah mereka sedar, jika sekiranya ada seorang insan di luar sana memberikan kepada anda sekeping manisan, atau membantu anda membawa barangan anda, atau membantu menunjukkan jalan

kepada anda, atau membantu memperbaiki kereta anda yang tersadai di tengah jalan, atau tolong mengutip sesuatu yang anda cicirkan. Tidakkah anda akan ucapkan kepadanya: TERIMA KASIH. Langsung menghormatinya dan menghargai bantuannya, dan barangkali anda mahu membalasnya dengan satu bentuk bantuan yang melebihi bantuannya? ... Ya, itu yang sudah pasti anda lakukan.

Saya juga insan seperti anda. Suka melakukan kebajikan, suka berbuat baik, suka memberi pujian dan berterima kasih jika diberikan sebarang hadiah. Jika hadiah yang diberikan itu lebih nilainya akan diberikan. Adakah masih ada di sana pihak yang memberi nikmat yang lebih agung dari Allah Azza wa Jalla, yang telah menganugerahkan kepada saya akal dan pancaindera, memberi kepada saya rezeki yang baik, memberi kesihatan dan keafiatan, memberi petunjuk ke arah agama yang telus, memberi zuriat keturunan kepada saya, memberi kediaman yang selesa dengan jiran yang baik?

Tidak..... langsung tidak ada di sana pihak yang kebbaikannya melebihi kebaikan Allah Azza wa Jalla. Adakah patut saya tidak bersyukur kepada Allah atas nikmat-nikmatnya yang diberikan kepada saya sedang saya telah berterima kasih kepada orang yang memberi bantuan yang sedikit kepada saya. Tidak syak lagi anda sama situasinya seperti saya yang sepatutnya bersyukur dan terus bersyukur, dan bertanggungjawab menasihati saya jika saya tidak mensyukuri nikmat-Nya, kerana anda tidak mahu saya mengingkari suruhan tuhan dan tidak bersyukur nikmat tuhan.

Selayaknya, syukur dipersembahkan dengan nilai yang sama dengan barang pemberian yang diperoleh dari pihak yang memberi itu. Maka syukur saya kepada pihak yang memberi sesuap makanan kepada saya tidak akan sama syukur saya kepada pihak yang memberi selenggok makanan, dan perkataan saya kepada budak - berikan kepada saya pen itu (tidak sama) dengan perkataan saya kepada orang dewasa - berikan kepada saya (tanpa perlu menyebut pen itu). Karakter yang amat disukai oleh Allah daripada saya sebagai hambanya tanda kesyukuran saya terhadap nikmat-nikmatnya ialah dengan meletakkan dahi saya ke atas tanah sebagai ikrar keagungan Rububiah Allah, ikrar pentaqdisan Uluhiyyah Allah dan ikrar pengiktirafan ihsan Allah kepada saya.

Manusia menundukkan diri di hadapan berhala-berhala, yang pada hakikatnya tidak memberi apa-apa, bahkan menyesatkan mereka dari jalan kebenaran dan hidayah. Sebahagian yang lain pula menjulang, mengagung-agungkan malah sujud kepada para pemimpin, padahal para pemimpin tersebut zalim, jahat dan memerintah dengan kuku besi. Para pemimpin yang mereka hormati itu barangkali makhluk yang paling kejam. Jika inilah yang berlaku, kenapa saya tidak sujud dan memperhambakan diri kepada Allah taala yang berkuasa sepenuhnya, mencipta segala-galanya, mentadbir urusan langit dan bumi, memberi senang dan susah, memberi rezeki dan menahannya, memati dan menghidupkan dan menghisab amalan dengan adil lagi saksama?.



SEMBAHYANG BUKAN AKTIVITI YANG MEMBUANG MASA

Manusia apabila selesai dari sibuk bekerja, menggeliat puas, berehat dari letih dan penat, selesai dari berjual beli, dari belajar dan mengajar dan selesai dari tuntutan kehidupan harian yang lain, terus menuju ke tempat sembahyang meninggalkan kesibukan-kesibukan tadi, langsung menyiapkan diri dan menenangkan hatinya, merehatkan anggota tubuh badannya, memadamkan api kemarahannya, menyekat nafsu syahwatnya, terus diam beberapa minit bermunajat dengan kekasih yang amat dicintai.

والحب أعظم ما يكون إذا انفردت بمن تحب

"Dan kasih cinta akan lebih tersemai dan mendalam jika kita bersendirian dengan yang dicintai"

Seorang manusia memohon pertolongan, bantuan serta kekuatan dalam meneruskan kehidupan, memohon kesabaran menempuh cabaran, memohon keampunan dari Allah yang amat pemurah jika menyakiti orang lain sama ada melalui lidahnya, atau lakunya. Tempoh inilah (semasa sembahyang) yang diperuntukkan oleh Allah untuk seseorang manusia itu memadamkan emosi yang panas dan jiwa yang tidak keruan itu.

Bertitik tolak dari aktiviti sembahyang inilah, Rasulullah SAW dalam keadaan letih dan penat selepas pulang dari medan perang, terus menyeru: wahai sahabatku Bilal, rehatkanlah kami dengan sembahyang. Iaitu dengan azan memanggil jemaah untuk mengerjakan sembahyang, agar sembahyang yang akan dilaksanakan ini bertindak sebagai proses kerehatan dari letih menjalani hidup seharian.

Manusia adalah makhluk Allah yang amat lemah, kekuatannya amat terbatas, tidak mampu bekerja berterusan, kerehatan minda dan fizikal adalah bekalan yang wajib diambil. Mereka akan mendapat kerehatan itu melalui sembahyang, kerehatan adalah seperuh dari kehidupan. Sebab itulah Allah menjadikan malam sebagai waktu untuk tidur, berapa lama masa yang dihabiskan oleh seseorang untuk sembahyang? Sekalipun lama tidak sampai 25 minit, adakah tempoh yang amat sebentar ini boleh menyusahkan anda dalam hidup, di mana anda menghabiskan tempoh masa tertentu dengan melawat-melawat tempat-tempat tertentu di samping banyak berjaga malam tanpa sebarang faedah yang munasabah?



SEMBAHYANG BUKAN SATU DASAR PEMERINTAHAN DIKTATOR YANG DIPERUNDANGKAN KE ATAS MASYARAKAT SECARA PAKSA

Sembahyang bukan arahan kuku besi, tetapi ianya satu aplikasi yang dipraktikkan oleh penganut Islam secara reda dan penuh rasa kehambaan kepada Allah taala. Firman Allah subhanahu wa taala:

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ

*"Tidak ada paksaan dalam agama (Islam)"
(al-Baqarah, 256)*

Juga bukan satu dasar pemerintahan, yang boleh berubah berdasarkan faktor-faktor tertentu atau dasar pemerintahan yang mengikut acuan seseorang pemerintah, serta bukan undang-undang rekaan yang dicipta hari ini kemudian diubah keesokannya, kemudian

boleh dipinda sekali lagi untuk kepentingan tertentu, atau perlu mengikut keselesaan dan rasa puas hati seseorang dalam sesebuah negara. Yang sudah terang lagi bersuluh, sembahyang adalah salah satu rukun dari rukun Islam yang lima, dan merupakan tunjang utama selepas syahadah.

Dan selama mana seseorang muslim itu reda dengan agama Islam ini, dia mesti melaksanakan tuntutan yang ditakliffkan ke atasnya dengan sebaik mungkin. Tidakkah anda bersependapat dengan saya bahawa di mana-mana negara pun di dunia ini ada undang-undang tertentu yang mesti dipatuhi oleh penduduknya, dan jika dia enggan mematuhi, secara langsung dia akan dikenakan hukuman, antara hukuman yang biasa dikenakan ialah:

- Mesti tetap mematuhi undang-undang tersebut dan melaksanakan tuntutan yang ada.
- Keluar dari negara tersebut dan tidak layak menjadi warganya.

Saya tidak mampu menggambarkan seorang manusia yang takut kepada polis tetapi pada masa yang sama tidak takut kepada tuhan yang menciptakan langit dan bumi? Cuba perhatikan bersama, apabila lampu isyarat bertukar menjadi merah, serta merta puluhan bahkan ratusan kereta akan berhenti seolah-olah tidak mampu melanggarnya, walaupun ada di kalangan pemandu kereta tersebut individu berstatus quo atau pembesar sesebuah kerajaan?! Tidak logik rasanya, ramai manusia takut melanggar lampu isyarat merah, tetapi berani melanggar perintah-perintah tuhan, dan terus hanyut dengan aktiviti dosa dan maksiat, serta melampaui sempadan (hudud) hukum yang ditetapkan oleh Allah Azza wa Jalla untuk mereka?! Barangkali ini boleh membuktikan tahap kecerdasan akal seseorang itu dalam menilai yang mana baik dan yang mana buruk? Ayuh!

Anda fikirkan jika anda seorang yang rasional dalam membuat pertimbangan.....



SEMBAHYANG BUKAN SATU HALANGAN YANG MENEGAH KEBEBASAN INDIVIDU DAN MENGHALANG DIRINYA DARI MELAKSANAKAN HAKNYA

Manusia hidup dalam kelompok sesama manusia dan mereka bukannya tergolong dalam dunia haiwan, yang hidup dalam hutan rimba yang penuh keganasan. Manusia mempunyai kebebasan yang tersendiri hampir dalam semua aspek kehidupan, iktikad, perkataan atau perbuatan mereka, dan tertakluk kepada peraturan dan undang-undang umum. Jika tidak, nescaya pembentukan masyarakat akan terbantut, tidak akan lahir rakyat yang bermutu, tidak lagi dapat hidup secara harmoni dan tolong menolong antara mereka.

Golongan yang tidak bertamadun yang banyak melakukan sesuatu mengikut naluri sendiri, yang hidup di jalanan seperti anjing kelaparan, langsung tidak mampu menyanggahi pemerintah dan undang-undang ciptaan pemerintah. Sedangkan haiwan dalam hutan pun mempunyai aturan sendiri yang mengikat mereka. Cuba anda tanya seorang pakar biologi tentang haiwan, nescaya beliau bersetuju dengan fakta yang saya datangkan ini. Barangkali beliau akan memberikan contoh yang tepat dengan teori yang diketahui olehnya. Contoh: cuba lihat lebah, saling tolong menolong antara satu sama lain dalam membuat sarang mereka, dan bagaimana pula sekumpulan semut yang saling membantu membawa makanan ke dalam sarang mereka sebagai bekalan makanan ke dalam sarang mereka sebagai bekalan makanan. Inilah yang boleh diistilahkan sebagai aturan atau peraturan hidup haiwan di dunia mereka.

Dan anda - wahai muslim - bebas dalam urusan peribadi anda. Anda makan atau puasa, tidur atau jaga, mendiami suatu tempat atau berpindah dari tempat itu, menjual atau membeli. Kebebasan ini tertakluk sebenarnya dengan peraturan Allah dan yang pastinya tertegak di atas paksi syariah Islamiyah, anda bebas berhenti sekadar dari kerja anda dan duduk seketika (sembahyang) di masjid. Itu masa rehat anda yang boleh mengembalikan kekuatan dan kecergasan,

sebelum meneruskan semula kerja anda. Inilah rupanya bantuan yang telah dihulurkan oleh Allah kepada anda tanpa anda dan sebahagian daripada kita sedari.

Dan anda juga terus bebas untuk terus berada di bawah peraturan Allah yang menyediakan kepada anda asbab untuk mencapai kebahagiaan dan ketenangan di dunia dan akhirat. Anda juga bebas untuk tidak berada di bawah telunjuk kuasa selain kuasa Allah yang selamanya memelihara dan menjaga anda.

Anda bebas untuk bercakap tentang apa sahaja, berbuat apa yang anda suka, menulis apa sahaja yang terlintas difikiran, menjaga apa yang anda suka, dengan syarat ianya tidak melampaui batas syariat yang telah ditetapkan, kerana sekiranya percakapan anda, perbuatan anda, tulisan anda atau perniagaan anda melampaui hudud yang telah digariskan syariat, nescaya anda telah meroboh atau merampas hak orang lain. Inilah yang telah diharamkan Allah, dan peraturan manusiawi sendiri melarang tindakan tersebut.



SEMBAHYANG BUKAN SESUATU YANG PERLU DIPILIH

Seperti dimaklumi umum, banyak benda di dunia ini sudah dijadikan pilihan untuk manusia. Jika mahu, ia akan lakukan dan sebaliknya jika tidak. Sembahyang bukan seperti itu, ianya wajib dan suruhan Yang Maha Esa. Sembahyang itu sendiri punyai waktu tertentu yang telah tetap dan cara yang telah ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW dengan pergerakan tertentu, syarat dan rukun tertentu. Semua telah cukup sempurna, tidak perlu tambahan atau pengurangan dan tidak perlu kepada pandangan sesiapa untuk didahulukan atau dikemudiankan. Sembahyang sesuatu yang telah tetap, bukan rekaan Muhammad atau ulama' selepas baginda, seperti sesuap makanan yang perlu dimasukkan ke dalam mulut, bukan ke dalam telinga, sama juga seperti udara yang masuk ke dalam paru-paru melalui mulut atau hidung, bukan melalui dua kaki kita. Jika kita menerima sebarang

pandangan atau teori yang menyanggahi peraturan ini, maka akan berlaku di sana kerosakan, bahkan boleh menyebabkan kematian, seperti juga sembahyang.

Menunai kewajiban sembahyang, sama seperti anda menunaikan kewajiban yang lain. Jika anda seorang pegawai, tugas anda melaksanakan perintah majikan atau memantau kerja kakitangan bawahan anda. Jika anda seorang peniaga, maka tugas anda adalah menjual beli dengan pelanggan. Jika anda tidak menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan, pemotongan gaji sebagai balasan anda, kerugian sebagai denda anda.

Banyak benda yang asalnya pilihan, telah dianggap sebagai wajib. Cuba perhatikan pada waktu larut malam anda sengaja menghidupkan radio dengan volum yang tinggi dan berkaraoke dengan penuh perasaan, dengan suara yang kuat. Tidakkah ianya akan mengganggu jiran tetangga anda, dan menyebabkan mereka mengeji anda, langsung mengetuk pintu rumah anda dan meminta anda memperlahankan radio, atau anda mungkin menerima balasan yang lebih teruk dari itu! Bukankan mendengar radio adalah pilihan anda, bila anda mahu memasangnya, meninggikan volumnya. Itu semua tertakluk kepada anda, tetapi di sana terdapat peraturan yang tidak pun ditulis atau dibukukan. Sedar atau tidak ianya dipraktikkan dalam masyarakat?

Jawapannya

Sebarang undang-undang atau peraturan, khusus atau umum tidak boleh dilanggari, maka bagaimana pula dengan ibadah sembahyang yang telah difardukan oleh Allah taala kepada para hambanya yang beriman dengan uluhiyah dan rububiyahnya, dan mereka reda dengan agama dan syariat yang ditaklifkan ke atas mereka. Adakah makhluk yang bernama manusia ini bebas untuk melaksanakan atau tidak, ibadat-ibadat yang diwajibkan Allah ke atasnya, khususnya sembahyang, atau mereka tertakluk kepada undang undang syariat Allah dan wajib melaksanakannya?



SEMBAHYANG ADALAH KEPERLUAN ASASI KEPADA KEHIDUPAN MANUSIA

Ya, ibadah sembahyang adalah satu keperluan kepada kehidupan manusia sebagaimana mereka perlukan makanan dan minuman untuk meneruskan kelangsungan hidup. Makanan dan minuman boleh menguatkan tubuh badan dan menjadi sumber untuk hidup, sembahyang pula boleh menguatkan roh dan menjadi sumber ketenangan, di samping boleh meningkatkan darjat pelakunya yang melakukan ibadah tersebut di hadapan Allah.

Sembahyang menjadi aras yang membezakan antara iman dan kufur. Sabda Nabi Muhammad SAW:

بَيْنَ الْكُفْرِ وَالْإِيمَانِ تَرْكُ الصَّلَاةِ

“Beza di antara kekufuran dan keimanan ialah meninggalkan sembahyang”

Apakah kebaikan yang Islam dapat melalui orang Islam palsu ini. Mereka melanggar perintah-perintah Allah taala. Bukankah mereka ini persis seorang budak yang menderhaka kepada ibu bapanya tetapi masih mengaku sebagai keturunan keluarga tersebut? Adakah dia boleh terus mengharap kebaikan dari orang yang tidak mahu memberi kebaikan tersebut?

Kita sebagai orang Islam tidak mahu menjadi seperti buih di lautan. Bilangannya jutaan, orang yang soleh dan baik hanya beberapa kerat sahaja. Sebutir peluru yang berisi belerang yang mampu membunuh seorang musuh lebih baik berbanding sekotak peluru tetapi kosong. Adakah satu ribu pasak boleh menegakkan sebuah khemah jika tanpa tiang di tengahnya? Dalam Islam, sembahyang itu dianggap sebagai tiang.

Sembahyang adalah keperluan asasi manusia kerana sembahyang dapat membentuk akhlak yang mulia, mengawal peribadi, dapat menjadi benteng yang menghalang dari perlakuan rosak dan buruk, dapat mencegah diri dari perkara keji dan munkar. Bagaimana seseorang itu boleh melakukan dosa padahal dia mengetahui dia akan dihisab oleh Allah taala di hari pembalasan nanti, hisab dirinya akan menjadi lebih mudah jika dirinya, jiwanya dan anggotanya suci dari dosa dan noda? Tidakkah anda melihat bagaimana kebanyakan kaum muslimin berhenti meminum arak apabila turunnya wahyu Allah

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَقْرَبُوا الصَّلَاةَ وَأَنتُمْ سُكَرَىٰ

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu hampir sembahyang (mengerjakannya) sedang kamu dalam keadaan mabuk”

(An-Nisa’, 43)

Maka, bagaimana mereka ingin menunaikan sembahyang jika mereka dalam keadaan mabuk? Sedangkan mereka wajib menunaikannya lima kali setiap hari. Maka jauhkanlah diri anda dari arak untuk berada dalam situasi sentiasa bersedia menghadap Allah taala.

Sembahyang - wahai kawanku - seperti penimbang, yang menimbang amalan-amalan di antara dua sembahyang yang dilakukan, seperti seorang doktor yang memeriksa suhu badan seorang pesakit selang waktu-waktu tertentu. Jika amalan-amalan seseorang yang telah melakukan sembahyang itu baik, penimbang akan memutuskan keputusan seolah-olah berkata: “Tekunlah dalam melakukannya, tingkatkan supaya lebih baik, tetapi apabila amalan-amalan orang itu tidak menepati piawai, penimbang akan memberi kata putus, seolah-olah berkata: ‘Ulang semula kerja itu, tumpukan komitmen anda dalam menunaikannya’”. Apabila mendengar azan (الله أكبر) bersedialah untuk sembahyang. Ketahuilah bahawa Allah lebih besar dan lebih agung dari segala yang lain. Sebutlah seruan tersebut dengan redha dan rela.

Dan percayalah bahawa orang yang menunaikan sembahyang ialah orang yang mengharapkan kebaikan dan panduan daripada Allah taala. Sekiranya anda dapati ia sedikit tersasar dari haluan, ketahuilah bahawa sembahyangnya itu akan memperbetulkan

perbuatan “tersasar” tersebut. Ini kerana semasa dia sembahyang dia akan membaca ayat-ayat suci al-Quran yang terlintas dimindanya. Mafhum ayat-ayat tersebut sudah tentunya meresap ke dalam jiwanya sekalipun dia sedikit lalai dari sembahyang. Makna-makna ayat tadilah yang mampu mengetuk pintu hatinya, dan boleh memandunya ke arah yang lebih baik.

Allah berfirman:

إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

“Sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar”

(Al-Ankabut: 45)

Adapun bagi orang yang tidak melakukan sembahyang maka mereka langsung tidak membaca ayat-ayat suci al-Quran, dan tidak mendapat sedikitpun syafaat daripadanya. Mereka berterusan berada dalam kejahilan dan dosa.



ALLAH TAALA TIDAK BERHAJAT KEPADA SEMBAHYANG KITA

Allah taala tidak perlukan sembahyang kita, tetapi yang perlu adalah kita menunaikan sembahyang sebagai manifestasi ketaatan kita kepadanya sebagai tuhan. Allah taala tidak menjadi lemah jika makhluknya melakukan dosa kepadanya, bahkan merekalah sentiasa berada dalam keadaan fakir dan langsung berhajat kepadaNya. Allah berfirman:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ أَنْتُمُ الْفُقَرَاءُ إِلَى اللَّهِ وَاللَّهُ هُوَ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ ۚ إِنْ يَشَأْ يُذْهِبْكُمْ وَيَأْتِ بِخَلْقٍ جَدِيدٍ ۚ وَمَا ذَلِكُ عَلَى اللَّهِ بِعَزِيزٍ ۝١٦

“(Oleh kerana Allah Menguasai segala-galanya, maka) wahai umat manusia, kamulah yang sentiasa berhajat kepada Allah (dalam segala perkara), sedang Allah dia lah sahaja

yang maha kaya, lagi maha terpuji. Jika ia mahu, nescaya ia membinasakan kamu dan mendatangkan makhluk yang baharu. Dan (perlaksanaan) yang demikian itu tidaklah sukar bagi Allah”
(Faatir: 15-17)

Allah taala telah mencipta kamu dalam keadaan telanjang bulat, tidak mempunyai apa-apa, fizikal yang lemah, fikiran yang terhad, tidak mampu membezakan di antara tamar dan batu, tidak memberi kesan apa-apa atau menahan diri dari apa-apa pun kepada diri sendiri. Maka Allah taala kuatkan fizikal kamu, beri kepandaian kepada kamu, menganugerahkan kamu dengan kesihatan, akal fikiran, harta kekayaan, memberi kamu anugerah di langit dan di bumi serta memberi kepada kamu nikmat sama ada yang kamu nampak atau tidak nampak. Apa anda fikir Allah taala yang mampu memberikan segala-gala kepada anda, memerlukan khidmat anda, bantuan anda, sokongan anda? Allah Azza wa Jalla - tuhan yang berkuasa atas segala-galanya, mentadbir segenap ceruk rantau dunia, setiap inci langit dan bumi - memerlukan sembahyang kita? Tidak, bahkan kitalah yang sujud merayu mengharapkan redanya, sembahyang kita ini seperti iklan yang menunjukkan kecintaan kita kepadanya.

Sesungguhnya orang - orang yang memandang enteng perkara berkaitan sembahyang, Allah taala juga menganugerahkan kepada mereka nikmatnya, sama seperti kita, malah mungkin melebihi apa yang telah diberikan kepada kita, tetapi kita telah berukuk, bersujud, tanda syukur, walhal mereka terus lalai dengan nikmat yang diberikan, mereka lupa hari mereka dilahirkan ke dunia, bertelanjang bulat, tidak punya apa-apa pun, mereka juga lupa hari kematian mereka nanti, di mana mereka akan meninggalkan harta yang telah dikumpulkan dengan jerih payah kepada orang lain yang mungkin menghabisannya dengan mudah, ini semua akan dihisab oleh Allah taala nanti. Mereka sebenarnya takbur kepada Allah taala, memandang mudah arahan Allah taala, nanti mereka akan diazab dengan teruk. Allah taala berfirman:

﴿إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ﴾

“Sesungguhnya orang-orang yang sombong takbur daripada

*beribadat dan berdoa kepadaku, akan masuk neraka jahannam dalam keadaan hina”
(Mukmin: 60)*

Kenapa anda mengaku anda beragama Islam, wahai orang-orang yang meninggalkan sembahyang jika anda berhajat kepadanya (Islam)? Dan kenapa anda tidak menunaikan sembahyang jika anda yakin dengan agama yang anda anuti?! Rasa hinakah jika anda berkata: “Saya beragama Islam dan saya takut kepada Allah taala?”. Rasa banggakah jika anda berkata: “Saya seorang fasik dan saya tidak takut kepada Allah taala?”. Bagaimana anda boleh taat kepada perintah majikan anda, pada masa yang sama tidak taat perintah Allah taala? Adakah majikan anda itu lebih mulia atau lebih suci berbanding Allah taala? Allah taala lah yang paling mulia lagi terpuji.

Husoin ibnu Ubaid telah masuk menemui Rasulullah SAW, mencerca dan menghina baginda SAW yang telah mencabar kaum musyirikin Makkah, memperbodohkan mimpi-mimpi mereka dan menghina tuhan mereka. Rasulullah SAW membalas kata-kata beliau dengan hujjah yang kuat, lalu beliau mempertahankan kata-katanya dengan alasan yang bernas, selepas itu beliau terkedu lalu beriman dan memeluk Islam, sedangkan hatinya sebelum ini lebih keras daripada batu. Sabda Rasulullah SAW kepada Husoin:

- Rasulullah SAW : “Wahai Husoin, berapa banyak tuhan yang kamu sembah?”.
- Husoin bin Ubaid : “Tujuh tuhan di langit dan satu tuhan di bumi”.
- Rasulullah SAW : “Jika kamu ditimpa bencana, kamu mengadu kepada yang mana?”.
- Husoin bin Ubaid : “Tuhan yang di langit”.
- Rasulullah SAW : “Jika harta kamu hilang, kamu mengadu kepada yang mana?”.
- Husoin bin Ubaid : “Tuhan yang di bumi”.
- Rasulullah SAW : “Tuhan kamu yang mana yang menolong kamu? Sanggup kamu menduakannya. Sudahlah wahai Husoin, masuklah Islam tentu kamu akan selamat”.

Saya mahu mengingatkan anda wahai muslim yang meninggalkan sembahyang, yang lalai terhadap Allah taala yang sentiasa memperhatikan anda, sembahyanglah! Nescaya anda akan selamat dari azab Allah yang amat pedih, amat memalukan jika anda hanya ingat kepada Allah taala sewaktu ditimpa bencana, tetapi lupa kepadanya waktu anda senang.



SEMBAHYANG AKAN MEMBERI KEBAIKAN LALU MENGHAPUSKAN DOSA ANDA.

Sembahyang akan memberi impak positif yang besar kepada anda semuanya kebaikan. Anda dan sanak saudara anda akan beroleh kebaikan darinya. Tidak sukaakah anda jika dosa anda diampunkan Allah dengan sembahyang anda itu? Rasulullah SAW bersabda:

Rasulullah SAW: Mahukah kamu jika aku beritahu sesuatu yang dapat menghapuskan dosa-dosa kamu yang terdahulu, lalu ianya mengangkat darjat kamu kepada yang lebih tinggi?

Sahabat: Sudah pasti wahai Rasulullah SAW.

Rasulullah SAW: Lebihkan basuhan wuduk sehingga melepasi had wajib anggota wuduk, dan perbanyakkanlah langkah untuk ke masjid serta laksanakanlah sembahyang secara berturutan. Itulah caranya. Apabila Allah telah ampunkan dosa kamu, nescaya sanak saudara kamu akan gembira lalu mengasihi kamu.

Sesungguhnya kebaikan sembahyang amat banyak, tidak dapat dihitung secara bilangan, mahupun untuk ditulis di atas kertas. Sembahyang merupakan perintah dari zat Yang Maha Kudus. Allah berfirman:

قُلْ لِّلْعِبَادِیَ الَّذِیْنَ ءَامَنُوا یُقِیْمُوا الصَّلَاةَ

"Katakanlah kepada hamba-hambaKu yang beriman hendaklah mereka mendirikan sembahyang"
(Ibrahim: 31)

Sembahyang merupakan neraca utama kebaikan kerana ia menjaga benteng pertama untuk menghalang perbuatan keji dan mungkar. Allah berfirman:

إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

*“Sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar”
(Al-Ankabut: 45)*

Maka setiap individu muslim sepatutnya cuba menghitung sebanyak mana kejahatan atau keburukan yang telah dilakukannya. Adakah ayat suci di atas ini dapat menjadi aras yang menimbang amalan sembahyang. Banyak atau sedikit itulah yang akan menjadi penentu tahap sembahyang.

Dan apabila anda telah melakukan perkara keji, yang disebabkan oleh perangai yang tidak baik, segerakanlah memberhentikannya. Bersihkanlah agama anda, sucikanlah jiwa anda, teguhkanlah hati anda, selamatkanlah anggota pancaindera anda dan istiqamah dalam melakukannya. Dan apabila anda mampu menahan diri dari melakukan perkara mungkar, percayalah bahawa anda telah dapat melumpuhkan virus syaitan dan nafsu yang boleh meruntuhkan masyarakat, serta anda telah berjaya menyelamatkan agama, diri dan keluarga anda.

Sembahyang juga membantu anda ketika anda berada dalam kesusahan, di samping menjadi penyelesaian masalah anda.

Firman Allah taala:

وَأَسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ وَإِنَّهَا لَكَبِيرَةٌ إِلَّا عَلَى الْخَاشِعِينَ

“Dan mintalah pertolongan (kepada Allah) Dengan jalan sabar dan mengerjakan sembahyang; dan sesungguhnya sembahyang itu amatlah berat kecuali kepada orang-orang yang khusyuk” (Al-Baqarah: 45)

Sembahyang merupakan satu kerehatan kepada mental dan fizikal anda dari kesibukan hidup seharian dan tekanan kerja, dan menjadi faktor asasi yang memperkuat hubungan persaudaraan sesama muslimin dan menghilangkan perbezaan status sosial di kalangan

manusia, mematuhi peraturan, dapat mengawal diri dengan urusan keduniaan, menghilangkan syahwat dari hati serta membersihkannya dari perasaan permusuhan dan dengki, menjaga percakapan, penglihatan dan pendengaran, rasa rendah diri dan berdisiplin, bersedia untuk melaksanakan tanggungjawab, dan sanggup menunaikan kewajiban dalam apa jua keadaan.

Dan saya yakin, sembahyang mempunyai beberapa faedah dari segi kesihatan dan bertitik tolak dari pergerakan-pergerakan tertentu semasa qiam (berdiri), rukuk, sujud serta duduk, pergerakan untuk memperhambakan diri kepada Allah, sekalipun faedah-faedah ini tersembunyi dari pengetahuan kita.

Sesungguhnya generasi muslimin terdahulu melaksanakan segala seruan Allah tanpa menyoal kenapa dan mengapa, mereka melaksanakannya tanpa banyak soal apa lagi komen. Tetapi kerapuhan nilai agama dalam jiwa orang sekarang menyebabkan golongan pendakwah dan penceramah terpaksa mengulas tentang keistimewaan dan kelebihan (fadhail) sesuatu ibadah - dalam usaha menarik minat manusia mengenali agama - dengan menghidangkan di hadapan mereka sebagai maudu' utama dakwah, di samping bayaran yang diterima para pendakwah dari hadirin tersebut di atas ceramah yang disampaikan yang juga menyebabkan hanya sebahagian kecil sahaja yang terkesan dan tertarik, dan hanya segelintir sahaja yang bersyukur.

Wahai Muslim:

Nasihat saya kepada anda agar anda bersembahyang. Jagalah waktu solat anda supaya tepat. Demi Allah tiada siapa dapat membantu anda kecuali diri anda, dan anda sendirilah yang akan menanggung segala dosa dan salah anda. Harta dan anak pinak anda tidak dapat membantu anda, kedudukan anda dan masa remaja anda juga tidak memberi peluang kepada anda. Anda akan menyesal pada suatu hari nanti jika lalai melaksanakan sembahyang,. Maut akan datang kepada anda secara tiba-tiba, sedangkan anda dalam keadaan cuai terhadapnya. Tunaikanlah janji anda (kepada Allah), telitilah segala urusan anda dan terimalah nasihat daripada orang-orang terdahulu daripada anda.

Ingatlah perkara pertama yang akan disoal pada hari kiamat nanti ialah solat. Jika solatnya sempurna, maka akan ditanya pula tentang zakat, puasa dan juga haji. Sebaliknya jika solatnya bermasalah, perkara-perkara lain langsung tidak akan disoal sekalipun seseorang itu membayar zakat, berpuasa dan menunaikan haji.

Ketahuilah, orang-orang yang meninggalkan solat dengan sengaja, maka akan terlepas dari pegangan Allah dan Rasulnya.

Jauhkan diri anda dari termasuk ke dalam golongan orang Islam yang palsu, yang solat satu waktu sahaja dan meninggalkan empat waktu yang lain, dan terhindar dari termasuk ke dalam golongan munafiqin yang apabila menunaikan sembahyang mereka malas, suka menunjuk-nunjuk, dan tidak mengingati Allah kecuali sedikit.

Hindarilah diri anda dari syaitan yang mengganggu lidah anda, sebagaimana yang terjadi kepada orang-orang Islam yang tersesat. Mereka bercakap menggunakan skrip yang dihasilkan oleh syaitan, lantas mereka berkata: "Sembahyang tidak penting sangat, yang paling penting ialah hati, biar bersih, jangan menipu orang". Mereka menyangka tidak mengapa kalau tidak sembahyang asalkan tidak menyakiti orang sekeliling. Inilah perbuatan dusta mereka yang amat jelas. Perbuatan inilah yang dianggap menyakiti Allah, Rasul dan orang-orang Islam yang lain.

Allah berfirman:

إِنَّ الَّذِينَ يُؤْذُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ لَعَنَهُمُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَأَعَدَّ لَهُمْ عَذَابًا
مُّهِينًا ﴿٥٧﴾ وَالَّذِينَ يُؤْذُونَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بَغَيْرِ مَا اكْتَسَبُوا فَقَدْ
أَحْتَمَلُوا بُهْتَنًا وَإِثْمًا مُّبِينًا ﴿٥٨﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang melakukan perkara yang tidak diredai Allah dan Rasul-Nya, Allah melaknatkan mereka di dunia dan di akhirat, dan menyediakan untuk mereka azab seksa yang menghina. Dan orang-orang yang mengganggu serta menyakiti orang-orang lelaki yang beriman dan orang-orang perempuan yang beriman dengan perkataan atau perbuatan yang tidak tepat dengan sesuatu kesalahan yang

dilakukannya, maka sesungguhnya mereka telah memikul kesalahan menuduh secara dusta, dan berbuat dosa yang amat nyata”

(Ahzab: 57-58)

Apakah kerosakan lain kepada Allah yang lebih besar daripada melakukan maksiat kepadanya? Apakah kerosakan lain kepada Rasulnya yang lebih besar daripada melanggar perintahnya? Apakah kerosakan lain kepada kaum muslimin yang lebih dahsyat daripada mengaibkan agama mereka dan tidak mengikut jalan mereka?

Jika anda melihat segolongan manusia menunaikan sembahyang, dalam masa yang sama mereka melakukan maksiat, ketahuilah bahawasanya manusia memang tidak dapat lari dari kesilapan. Dan tidaklah berkaitan sembahyang mereka itu dengan kemaksiatan mereka. Anda bukanlah menjadi penilai kepada mereka dan bukan juga dinilai oleh mereka. Percayalah bahawa mereka akan bertaubat suatu hari nanti. Jadilah anda seorang yang lebih baik dari mereka, contoh dan ikutan mereka, serta jadikanlah sembahyang anda itu benteng daripada perkara-perkara mungkar. Janganlah sampai ia menjauhkan anda dari Allah.

Tunaikanlah sembahyang jika anda orang yang waras. Demi Allah, orang yang waras tidak akan meninggalkan sembahyang. Dan berhati-hatilah daripada menjadi hamba nafsu, yang terikut dengan gelodak jiwa yang suka kepada permusuhan dan celaka.

Firman Allah:

هُمْ قُلُوبٌ لَا يَفْقَهُونَ بِهَا وَهُمْ أَعْيُنٌ لَا يُبْصِرُونَ بِهَا وَهُمْ أَعْذَانٌ لَا
يَسْمَعُونَ بِهَا أُولَئِكَ كَالْأَنْعَامِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ أُولَئِكَ هُمُ الْغَافِلُونَ ﴿١٧٩﴾

“Yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan yang mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya (bukti keesaan Allah) dan yang mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nasihat); mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang-orang yang lalai” (Al-A’raaf: 179)

Tunaikanlah sembahyang jika anda menyintai Allah, dan percintaan tidak terasa nikmat jika tidak bermunajat dengan kekasih. Maka, jadikanlah solat anda sebahagian dari munajat kepadanya.

Tunaikanlah sembahyang jika anda benar-benar mengaku beragama Islam, yang mengucap dua kalimah syahadah, janganlah pula perbuatan yang anda lakukan berlawanan dengan akuan yang diungkapkan terdahulu.

Tunaikanlah sembahyang jika anda sayang dan kasih kepada diri anda sendiri, kerana sembahyang dapat menjadi benteng dari percikan api neraka jahannam yang panas membara, yang mulutnya luas menganga menanti mangsa, yang seksanya nanti amat pedih tidak terkira.

Cukuplah dengan kesilapan yang sedang anda lakukan, jangan biarkan diri anda diperbodohkan oleh syaitan hingga lupa asal usul, dan lupa tuhan, nanti anda akan tergolong dalam golongan yang mengalami kerugian.

Tunaikanlah sembahyang jika anda seorang yang berbuat baik kepada ibu bapa anda, agar doa dan istighfar anda untuk mereka diterima oleh Allah subhanahu wa taala.

Tunaikanlah sembahyang jika anda kasih dan sayang kepada anak-anak anda. Bentuklah keluarga yang solehah untuk mereka. Bagaimana kita mahu mengajar mereka apa itu Islam? Bagaimana keindahanannya? Apa suruhannya? Apa pula larangannya? Jika anda tidak praktikkan amalan Islam. Contohnya sembahyang di rumah kita. Adakah anda rela melihat mereka nanti merangkak menuju neraka?

Tunaikanlah sembahyang jika anda seorang suami yang baik untuk isteri anda. Bahagiakanlah isteri anda. Berikan kepada mereka kebaikan, semaikanlah kasih sayang yang suci. Patutkah anda lihat isteri anda bersembahyang sedangkan anda melakukan maksiat dan dia taat kepada anda lagi menunaikan sembahyang? Pernahkah anda bertanya kepadanya, berapa peratus kepercayaannya kepada anda, untuk menjaga dirinya dan anak-anaknya, sedangkan anda tidak sembahyang, tidur sekatil dengan anda, adakah dia dalam keadaan reda??!!!!

Tunaikanlah sembahyang jika anda seorang yang benar-benar cintakan negara, bersemangat patriotik. Ketahuilah orang yang tidak melakukan kebaikan dalam agamanya tidak menyumbang apa-apapun untuk negaranya. Bagaimana Allah mahu menjaga mereka, negara mereka, sedangkan mereka terus melakukan maksiat kepadanya. Apa yang disuruh mereka enggan lakukan dan apa yang dilarang pula mereka mudah melakukannya, serta tidak bersyukur dengan nikmat yang diberikan olehnya?. Dan perbuatan mereka meninggalkan sembahyang, melakukan perbuatan keji dan mungkar menjadi sebab betapa mudah mereka dikuasai kaum Yahudi.

Tunaikanlah sembahyang jika anda benar-benar mengaku cinta kepada Allah, orang yang amat cinta kepada kekasihnya akan terasa seronok dan gembira jika dapat bercakap, mengadu dan bermunajat kepada Allah (kekasihnya). Jadikanlah sembahyang ini sebagai cara untuk anda bermunajat kepada Allah.

Tunaikanlah sembahyang jika anda benar-benar takut kepada Allah. Dia iaitu Allah telah memberi amaran kepada api neraka jahannam yang amat panas bagi orang yang tidak menunaikan sembahyang. Anda pula seorang yang lemah, tidak mampu menanggung walaupun panas terik matahari, inikan pula api neraka akhirat. Api neraka ini digambarkan seperti api yang hitam pekat membakar manusia selama tujuh puluh tahun lamanya.

Bahagiakah anda di hari kiamat nanti, jika anda dimasukkan ke dalam senarai orang-orang yang melakukan maksiat kepada Allah, sebabnya hanya satu iaitu tidak menunaikan sembahyang?! Gembirakah anda nanti jika mendengar Allah taala menyebut kepada para malaikatnya yang bengis:

خُذُوهُ فَغُلُّوهُ ﴿٢٠﴾ ثُمَّ الْجَحِيمَ صَلُّوهُ ﴿٢١﴾ ثُمَّ فِي سِلْسِلَةٍ ذَرْعُهَا

سَبْعُونَ ذِرَاعًا فَاسْلُكُوهُ ﴿٢٢﴾

“(Lalu diperintahkan malaikat penjaga neraka): «Tangkaplah orang yang berdosa itu serta belengguhlah dia. Kemudian bakarlah dia di dalam neraka Jahiim. Selain dari itu, masukkanlah dia dalam (lingkaran) rantai besi yang ukuran

panjangnya tujuh puluh hasta, (dengan membelitkannya ke badannya)!”

(Al-Haqqah: 30-32)

Anda setuju tak dengan saya jika saya kata: “Meninggalkan sembahyang itu adalah salah dan berdosa, tetapi kenapa anda tetap meninggalkannya?! Atau anda ada surat rasmi dari Allah Yang Maha Agung yang mengecualikan anda dari azab, atau surat pengampunan yang membolehkan anda bebas lepas dari taklif?! Pernah tak anda dengar firman Allah kepada Rasulnya sebegini:

قُلْ إِنِّي أَخَافُ إِنْ عَصَيْتُ رَبِّي عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿١٥﴾

“Katakanlah: Sesungguhnya Aku takut jika aku derhaka kepada tuhanku, (akan dikenakan) azab hari yang besar (hari kiamat)»

(Al-An’am, ayat 15)

Adakah anda akan rasa lebih mulia berbanding Allah dan Rasulnya? Jikalau anda berpandangan bahawa Rasulullah SAW lebih mulia berbanding anda, kenapa Rasulullah SAW takut dan bertaqwa kepada Allah, sedangkan anda sebaliknya?!

Wahai orang yang banyak komen: “Jikalau anda mengugut polis, nescaya anda akan dipenjarakan. Jikalau anda mengugut seorang ketua, pasti buruk akibatnya nanti, dan jikalau anda mengugut seorang pemimpin besar dalam sesebuah negara, nescaya anda akan diseksa nanti dalam tahanan. Bagaimana pula jika Allah Yang Maha Berkuasa itu telah menjanjikan neraka jahannam kepada engkau? Ke manakah agaknya anda akan lari dan siapa pula yang sanggup memberi perlindungan kepada orang seperti anda?!

Adakah tangisan dan keampunan yang diminta boleh menyelamatkan anda dari api neraka? Keajaiban yang bagaimana yang telah anda dapat di dunia yang boleh menyelamatkan anda dari neraka jika anda tidak menunaikan sembahyang? Yang mana anda akan pilih di antara dua, pertama: hidup bersama-sama orang yang derita dalam neraka?

Tunaikanlah sembahyang, Anda perlu terus bergantung hidup dengan Allah Azza wa Jalla. Kenalilah Allah ketika anda dalam kesenangan, Allah akan menolong anda ketika anda dalam kesusahan.

Tunaikanlah sembahyang, Jangan jadi seorang muslim yang hanya mendakwa berketurunan Islam, tetapi tidak melaksanakan kewajipan. Jauhkanlah diri anda dari terperosok dengan kemusnahan, berbanggalah dengan nama Islam anda, sehingga anda boleh mengungkapkan begini:

أبي الاسلام لا أب لي سواه اذا افتخروا بقرى أو تميم

Ertinya: keturunanku adalah Islam dan aku tidak mempunyai keturunan yang lain selain Islam. Apabila mereka berbangga bahawa mereka dari bani qais atau bani tamim.

Tunaikanlah sembahyang anda pasti dapat melindungi kawan-kawan anda yang baik dari sesuatu kejahatan, dengan anda menyertai mereka, anda dapat menguatkan mereka, menggerunkan musuh mereka, boleh melemahkan orang-orang munafik yang bertopengkan Islam.

Tunaikanlah sembahyang, anda akan beroleh keredaan tuhan, dapat mengecewakan syaitan, serta dapat mengelak dari tipu daya manusia.

Tunaikanlah sembahyang. Sembahyang yang anda lakukan itu akan menjadi nur, yang mencerahkan hati anda dari kekotoran dosa dan noda, dapat memberi hidayah kepada hati, mampu menyinari kubur anda nanti, dahi anda akan dilitupi cahaya pada hari kiamat, sebagai tanda perbezaan bahawa anda orang tergolong dalam golongan orang yang menunaikan sembahyang.

Tunaikanlah sembahyang. Sesungguhnya solat adalah faktor paling asas yang dapat menghindari diri anda dari melakukan maksiat, dari mengikut telunjuk syaitan dan nafsu.

Tunaikanlah sembahyang. Sesungguhnya hisab yang akan berlaku nanti amat payah. Allah yang menghisab pula amat berkuasa ke atas sesuatu. Ketahuilah wahai insan! Apabila binatang ternakan melihat peritnya hisab yang akan dijalankan ke atas makhluk yang

begelar manusia, lantas binatang tersebut akan berkata: Wahai anak adam, kami ucap Alhamdulillah kepada Allah yang tidak mencipta kami menjadi seperti kamu kami tidak mengharap syurga, kami tidak takut akan dosa, nescaya kamu yang lakukan dosa berharap dapat jadi tanah sahaja.

Sebagai penutup, tunaikanlah solatmu wahai saudaraku. Aku sendiri bersolat dan terus berdoa agar anda dicucuri rahmat kebaikan sebagaimana aku dianugerahinya rahmat kebaikan selagi anda bergelar muslim mukmin sepertiku.

Tunaikanlah sembahyang, sebagai tanda ketaatan kepada Allah azza wajalla.

Allah berfirman:

 حَافِظُوا عَلَى الصَّلَوَاتِ وَالصَّلَاةِ الْوُسْطَىٰ وَقُومُوا لِلَّهِ قَانِتِينَ

“Peliharalah kamu (kerjakanlah dengan tetap dan sempurna pada waktunya) Segala sembahyang fardu, khususnya sembahyang Wusta (sembahyang Asar), dan berdirilah kerana Allah (dalam sembahyang kamu) dengan taat dan khusyuk”
(Al-Baqarah: 238)

Dan bimbanglah jika anda dibangkitkan nanti bersama orang-orang kafir, memang benarlah hadith Rasulullah SAW:

العَهْدُ الَّذِي بَيْنَنَا وَبَيْنَهُمُ الصَّلَاةُ , فَمَنْ تَرَكَهَا فَقَدْ كَفَرَ

“ Beza di antara kita dengan orang kafir ialah solat, maka barangsiapa yang sengaja meninggalkan solat akan menjadi kufur”

Tunaikanlah solat, sesungguhnya saya (demi Allah yang tiada tuhan melainkannya) hanya memberi nasihat kepada anda. Dan semoga Allah menjadikan saya dan anda juga dikalangan orang-orang yang mendengar ayat-ayatnya, lalu mengikut ajarannya.

وصلى الله على سيدنا محمد ونبينا محمد، وعلى آله وصحبه وسلم
والحمد لله رب العالمين

Yang Benar:
Abdulrauf al-Hanawiy





Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
Kompleks Islam Darulnaim, Lundang Jalan Sultan Yahya Petra,
15200 Kota Bharu, Kelantan
Tel: 09-7481512 Faks: 09-7485512
Portal Rasmi: www.e-maik.my Email: maik@e-maik.my